

Silat: Pengadil2 kecewa mutu tak capai taraf

26 NOV 1979

pecah silat

MUTU persembahan dan cara permainan para peserta pertandingan akhir Silat Gayung anjuran Perwanit malam kemarin, masih belum mencapai taraf yang baik.

Para pengadil dalam pertandingan itu telah melahirkan rasa kurang puashati mereka sambil berkata bahawa para peserta lebih banyak menggunakan tangan dan tidak menunjukkan teknik serangan yang sewajarnya.

Dua orang pengadil pertandingan itu yang sempat ditemuramah oleh Berita Harian, Encik Budin Seon dan Encik Suib Selamat berpendapat bahawa ada banyak segi yang harus diperbaiki oleh para peserta pertandingan itu.

Gerakan

Encik Budin, 50 tahun, dari Silat Cekak berkata bahawa para peserta kurang menunjukkan gerak kesenian dalam pertandingan itu.

26 NOV 1979
"Cara permainan mereka lebih banyak menggunakan tangan dari kaki dan gerakan demikian tidak begitu diperluaskan dalam seni silat Melayu," tambahnya.

Encik Budin yang telah bergiat dalam seni silat Melayu lebih 30 tahun berpendapat bahawa para peserta seolah-olah meniru cara permainan terutamanya tendangan ala silat Kung Fu dan Tae Kwon Do.

Sementara Encik Suib, 51 tahun, pula berpendapat bahawa teknik serangan dan bertahan masih belum memuaskan, jika dibandingkan dengan seni olahraga mempertahankan diri luarnegeri.

Serangan

"Para peserta perlu banyak berlatih terutamanya latihan jasmani dan membanyakkan latihan tentang teknik serangan dan bertahan yang baik," jelasnya.

Bagaimanapun, kedua pengadil itu tidak menafikan bahawa memandangkan pertandingan itu adalah yang pertama diadakan di sini, kelemahan-kelemahan dari segi mutu permainan tetap tidak dapat dielakkan.

Dalam pertandingan akhir itu, seramai lapan orang peserta telah mengambil bahagian dan mereka dibahagikan kepada bahagian-bahagian wanita, kanak-kanak, remaja, dan dewasa.

Dalam bahagian wanita, Noorwina Mahamood

telah menjadi johan setelah dia menewaskan lawannya, Mariati Mahman.

Kanak2

Abdul Aziz Karim pula muncul sebagai johan bahagian kanak-kanak setelah menewaskan Sulaiman Abu. Kedua-dua peserta itu berusia 14 tahun.

Dalam bahagian remaja, Ibrahim Deros dari Balai Rakyat Sennet telah mengalahkan Ahmad Daud sementara Mohd. Saini Fadzal muncul sebagai johan bahagian dewa-

sa mengalahkan Mustafa Saidi.

Pada keseluruhannya, perlawanan antara Mohd Saini dengan Mustafa dianggap paling sengit dan para penonton yang berjumlah lebih 8,000 di Stadium Badminton Singapura di mana pertandingan itu diadakan, merasa puashati dengan perlawanan itu.

Sebagai acara selingannya, dua pertandingan persahabatan diadakan iaitu antara Kumpulan Silat Esha dengan Silat Kuntai Melaka dan Silat Cekak dengan Silat Si Pitung.

Usaha

Perwanit utk tinggikan taraf silat

30 NOV 1979

PERSATUAN Wanita dan Teruna (Perwanit) akan menganjurkan kursus latihan khusus silat dalam usaha meninggikan lagi taraf dan meningkatkan keaslian silat di sini.

Latihan yang akan memberi perhatian khusus pada teknik serangan dan tangkis itu juga bertujuan sebagai panduan kepada para peserta yang bakal

mengambil bahagian dalam pertandingan silat tahun depan yang dijangka akan dimulakan saringannya pada Jun.

Mengumumkan demikian, Yang Dipertua Perwanit, Encik Johari Urip, memberitahu bahawa butir-butir perincian latihan itu dijangka akan disiapkan pada bulan depan dan latihan akan dimulakan pada Mac tahun depan.

Katanya, Majlis Guru-guru Silat akan diundang untuk memberi pandangan bagaimana mutu seni silat Melayu dapat dibaiki terutama semasa dalam pertandingan.

Mengulas komen para pengadil dalam peringkat akhir pertandingan silat anjuran Perwanit yang disiarkan di akhbar ini baru-baru ini, Encik Johari menjelaskan bahawa kelemahan-kelemahan memang tidak dapat dielakkan kerana pertandingan itu merupakan yang julung-julung kali diadakan di sini sejak 10 tahun yang lalu.

Cemas

30 NOV 1979
"Para peserta juga tidak dapat menguasai perasaan cemas kerana pertama kali mengambil bahagian dan keadaan stadium yang penuh sesak dengan para penonton di malam pertandingan peringkat akhir itu," katanya.

Tambahan pula, menurutnya, tujuan utama pertandingan itu adalah bukan untuk mencari mutunya tetapi semangat kesukanan yang tinggi.

"Kelemahan memang ada tetapi mutu pertandingan juga tidak kurang ditunjukkan oleh para peserta terutama sekali di peringkat separuh akhir," dia menerangkan.

Menurutnya, Perwanit akan sentiasa berikhtiar meninggikan mutu silat Melayu dan satu cara mencapai matlamat ini ialah dengan menganjurkan pertandingan silat sebagai kegiatan tahunan persatuan itu.

Kejohanan

silat. Tiket dijual

1 DEC 1979
TIKET-tiket untuk menyaksikan Kejohanan Silat Kebangsaan yang akan berlangsung di Panggung Negara pada 30 dan 31 Disember ini, mulai dijual dari sekarang.

Sebanyak 14 jenis silat akan dipertandingkan dalam kejohanan tahunan itu yang dianjurkan oleh Persekutuan Silat Singapura (Persisi).

Tiket-tiket berharga \$1, \$2 dan \$3 boleh didapati dari semua kerabat Persisi dan dari rumah persatuan itu di No 3, Jalan Penggaga atau dari Encik Ahmad Haji Ibrahim di alamat 83C, Block 35, Marine Crescent dan Encik Jaafar Yaakub, 44C, Block 502, Bedok North Avenue 3 (1646).